



## KENYATAAN MEDIA

---

### **KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL MENERUSI PUSPAL PERKUKUH KERJASAMA BERSAMA INDUSTRI SENI PERSEMBAHAN LUAR NEGARA**

Saya pada hari ini telah menghadiri sesi dialog awam (*town hall*) bersama industri (MBI) yang terdiri daripada penggiat seni persembahan tarian, nyanyian, teater dan sebagainya.

Sesi ini merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) menerusi Unit Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) bagi mendengar maklum balas pemain industri bagi menambah baik Garis Panduan PUSPAL (GPP).

Seiring dengan konsep Malaysia MADANI di bawah nilai teras kemampuan, PUSPAL sedang dalam proses pendigitalan dan operasi secara *end to end* bagi memudahkan urusan permohonan sekali gus merancakkan lagi industri seni persembahan.

Kira-kira 200 penggiat industri telah hadir pada sesi dialog awam ini. PUSPAL akan membuat pertimbangan berhubung sebarang cadangan yang diajukan oleh pemain industri. Turut hadir Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, YB Teo Nie Ching dan Ketua Setiausaha KKD, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek bersama-sama ahli jawatankuasa PUSPAL yang terdiri daripada 16 kementerian/ jabatan dan agensi kerajaan.

**FAHMI FADZIL**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL**

16 Mac 2023